# Rahsia Perindu

*Ramlee Awang Murshid*

Download now

Read Online

# Rahsia Perindu

*Ramlee Awang Murshid*

**Rahsia Perindu** Ramlee Awang Murshid
Seorang doktor cuba memulihkan seorang pesakit mental yang mengalami trauma akibat penderaan suami.

## Rahsia Perindu Details

| | | |
|---|---|---|
| Date | : | Published 2005 by Alaf 21 |
| ISBN | : | 9789831241844 |
| Author | : | Ramlee Awang Murshid |
| Format | : | Paperback 561 pages |
| Genre | : | Novels, Thriller |

**Download** Rahsia Perindu ...pdf

**Read Online** Rahsia Perindu ...pdf

**Download and Read Free Online Rahsia Perindu Ramlee Awang Murshid**

# From Reader Review Rahsia Perindu for online ebook

## Shahrul AhLami says

Ramlee Awang Murshid memang pandai 'menipu'. Walaupun dah banyak buku RAM yang aku dah baca, aku ingat aku dah boleh baca permainan RAM, namun aku gagal. Rahsia Perindu memang berjaya membuatkan aku pening. Aku pun terkeliru dengan watak-watak yang dicipta oleh RAM.

---

## Amy Ray says

Novel ini dah lama beli tapi baru sekarang berpeluang menghabiskan bacaan. Membaca karya Rahsia Perindu umpama menonton series Criminal Minds +CSI. Walaupun agak bosan pada beberapa bab pemula namun ianya semakin lama semakin saspens dan penuh dengan teka-teki. Yang bagusnya, RAM banyak selitkan fakta dan info. Cuma pesanan pada sesiapa yang belum menelaah, jangan skip bab dan baca dengan hati-hati. Kalau tak memang akan 'lost' dalam beberapa 'scene'. Thumbs up RAM. Secara jujurnya, aku anggap penulis ini ibarat macam Stephen King melayu. Haha

---

## Auni B says

Bingung saya dibuatnya bila baca buku ini. Tapi in a good way. Terima kasih kerana menulis novel sebegini; iaitu berkaitan kesihatan & kekeliruan mental. Terima kasih sebab wujudkan Dr Azlan. Gila ialah satu rumusan yang terlalu ringkas & dangkal untuk menyifatkan seorang yang berkelakuan abnormal. Ketidakstabilan minda & jiwa juga ialah penyakit yang perlu dirawat seperti penyakit fizikal. Pemulihan / recovery masih possible dengan keazaman, teknik yang sesuai & kebergantungan kepada Tuhan.

---

## Natasya Wiah says

One thing for sure, RAM is the one of Malaysia great author

---

## Gobokairina says

"Tanpamu aku tak mampu bernafas sendiri"
Membaca blurb di muka depan cover novel buat aku rasa ok, cerita ni tak berat. Tapi tu la… bila masa pula RAM menulis cerita ringan santai? Bukankah trademark RAM sudah pun terbilang dengan skil penulisan thriller hahaha tertipu lagi aku…

Novel ini mengisahkan tentang seorang peguam yang bernama Amylia. Sepanjang penceritaan ini, Amylia berusaha untuk menyelamatkan Leopard, anak guamannya daripada hukuman mahkamah atas tuduhan membunuh. Dalam usahanya itu, Amylia turut dibantu oleh Dr. Azlan, yang merupakan pakar psikiatri. Mereka mengesyaki bahawa Leopard mempunyai masalah mental dan seharusnya diberi hukuman lebih ringan atas perilakunya itu. Segalanya menjadi rumit apabila Amylia pula yang seakan-akan mengalami masalah jiwa di mana dia sering diganggu oleh "seseorang". Ke arah klimaks novel ini, pelbagai twist

menarik disajikan kepda para pembaca contohnya tentang identiti sebenar Amylia dan Leopard.

Satu perkara tentang novel ini, anda dilarang untuk melangkau pembacaan. Jika tidak, pasti akan terkeliru atau mungkin kehilangan segala isi cerita. Hal ini sedikit sebanyak melambatkan proses pembacaan aku. Tapi aku tidak pernah berasa bosan atau muak tatkala membaca novel ini. Menyentuh sedikit tentang pengakhiran novel ini, sesetengah pembaca mungkin akan berasa tertipu oleh twist yang ada pada novel ini. Namun, bagi aku "penipuan" RAM sangat berkesan.

Novel yang penuh debaran yang menggelisahkan. Ia sarat dengan kisah cinta suami isteri yang meruntun perasaan. Saspens sehingga merasakan ada `orang lain’ sedang memerhatikan anda! Seperti mana pesan di akhir buku ni "BERHATI-HATILAH DENGAN REALITI, KEMUNGKINAN IA SEKADAR FANTASI."

---

## Yazlina Saduri says

RAM is right, one who skims this book or skips reading the pages may really not get the story. Well, I did read word by word, more because I know I would enjoy RAM's writing rather than anything else. Always so much knowledge imparted in between the thriller lines. Still, I have questions begging to be answered upon finishing the book haha. The first half of the book done and still I don't know whether Leopard is a man or a woman. Siapa perindu sebenar dan apa yang dirindui? Belaian kasih ibu ? Mengapa sang ibu disakiti? RAM seems to know where our thoughts are going and manipulates the plot twists over and over. The man needless to say is a genius writer.

One word to describe this book from my perspective - "twisted"

---

## Pie Mesnan says

ketika masuk tgh2 cerita buku...aku sangkakan julia or jefry mengalami pencelaruan identiti..leopard identiti yg baru...aku teringat kisah filem 'identity' yg byk personaliti...tp jangkaan aku meleset dan salah..ternyata ram pandai membawa dan mengolah misteri dan thriller dlm novel ni..

ternyata novel ni merupakan karya ram yg terbaik dan menceritakan bagaimana kita nak bezakan realiti or fantasi..

yg kurengnya adalah plot klimaks dan anti klimaks nmpk cam terlalu awal..tp mungkin ada sbbnya ram buay camtu untuk rungkaikan misteri2 yg ada..

nway terbaeek gak dr ram novel ni..

---

## Hilmi Isa says

Pernah pada suatu ketika dahulu, saya pernah membaca sebuah artikel di sebuah blog yang mengkritik novel ini. Berdasarkan apa yang saya ingat, penulis blog tersebut menyatakan terdapat kepincangan di dalam jalan cerita novel yang bertajuk *Rahsia Perindu* (RP), hasil tulisan penulis prolifik terkenal Malaysia, *Ramlee*

*Awang Murshid* (RAM). RAM dikatakan menipu pembacanya dan melakukan kesilapan kerana mempersembahkan kepada para pembaca novel tersebut yang seolah-olah menunjukkan *Leopard* seorang lelaki. Sedangkan, Leopard ini sebenarnya seorang watak wanita! Di dalam muka surat 21, dinyatakan bahawa mangsa yang dibunuh Leopard telah dibunuh oleh seorang lelaki melalui kekuatan tikaman. Ini ditambah pula dengan beberapa babak yang memberikan pembayang seolah-olah Leopard ini seorang lelaki. Mungkin inilah yang menyebabkan penulis blog itu mendakwa sedemikian rupa kepada RAM.
Namun demikian, saya mempunyai pendapat yang berbeza. Leopard sebenarnya merupakan sebuah watak *alter-ego Maria*, salah satu watak utama di dalam novel RP. Karakter ini 'merasuk' Maria apabila menghadapi ancaman bahaya. Lantas, memberikan kekuatan yang hebat kepada Maria. Bukan itu sahaja, Maria juga berhalusinasi bahawa Leopard wujud di dalam dunia sebenar. Watak ini digambarkan sebagai seorang lelaki yang gagah tetapi bengis dan kejam.
Diam tidak diam, novel ini sudah berusia 10 tahun! RP asalnya diterbitkan pada tahun 2004. RP mempunyai keunikannya yang tersendiri. Jalan ceritanya mempunyai dua 'dunia' yang sebenarnya berlainan, namun, saling berkait antara satu sama lain. Justeru itu, terdapatnya pertindihan cerita yang dikisahkan secara berselang-seli antara satu sama lain. Mungkin agak mengelirukan sesetengah pembaca jika tidak dibaca secara teliti.

---

## MamaErra says

Pengkisahan cerita yang amat berbeza dari novel-novel yang pernah dibaca sebelum ini. Ia mengandungi kisah di dalam kisah dan perlukan penghayatan untuk mengetahui kesudahan ceritanya. Pengalaman diri sendiri pada satu ketika dulu, tidak menyukarkan aku untuk memahami jalan ceritanya. Begitu juga dengan pengambilan xanax sebagai ubat penenang, hanya mereka yang mengetahui saja akan tahu akan kegunaan ubat tersebut. Bagi sesiapa yang ingin kelainan, digalakkan membaca novel ini. Tak rugi aku beli novel ini untuk dijadikan koleksi simpanan.

---

## Ashy Khaira says

to be frank.....this book was a confusing read.The characters,the story line is all over the place.one moment julia is the lawyer,one moment amyleea and so on so forth.however maria is certified to gave a mental illness due to being abused and raped by her father when she was younger.she ends up killing her father when he hits her mother one night.she kills another man years later for raping her after drugging her,it was an okay read.just confusing.

---

## Nur Ainn says

gila lama nk abiskn,bukan sebab x best,cuma byk masa abiskn dgn keluarga sempena cuti skolah,novel pn cuti baca....apepn RAM pnya novel x pernah menghampakn....

---

## Tey Marzuki says

Rahsia Perindu karya Tuan RAM memang sangat menarik. Dapat saya bayangkan setiap scene itu diolah

kepada babak filem. Tentu mengujakan. (But please leave the fact details, macam membebel pulak RAM dalam ni. Huhuhuu.)

*4.9 stars

---

## Qhistina Ma says

we psychoanalyse a psychopath? yes..macam dalam shutter island by martin scorsese yang ada leonardo dicaprio tu..(and yes, dia handsome...i mean leonardo, not martin scorsese..) i'm not going to compare between both..i just saying perasaannya hampir sama..i was so confused, rasa macam kadang2 my brain woken by exciting and thought-provoking experience..RAM cuba memahamkan macammana rasanya menjadi individu yang ada split personality atau multiple personality disorder... at the end of the page, tutup buku and questioned myself - what if i'm not sane? what if i'm insane? what if everything before me is actually created by my mind? solusi - cubit pipi and ambil wudu' , solat... a proof that you probably categorized as a sane..

baca untuk ke2 selepas bacaan pertama around 2010..berhati2lah dengan realiti, kemungkinan, ia sekadar fantasi...

'tanpamu, aku tak mampu bernafas sendiri...'~

---

## Mohd Hafizuddin Mohamad Ghazali says

Kali kedua baca Rahsia Perindu selepas 13 tahun. Masa mula baca buku ni dulu satu apa aku tak faham yang cuma boleh aku ingta Leopard je. Tu je watak yang boleh ingat lepas 13 tahun.

Kali ni baca balik kali kedua, fikiran pun dah matang, so dah boleh faham apa yang sebenarnya abg RAM nak ceritakan dalam Rahsia Perindu ni. Btw, pembaca kena fokus untuk hadam buku ni. abg RAM bermain dalam 2 dimensi, keadaan sebenar & keadaan 'bawah sedar'.

Aku sangka dulu Leopard tu seorang lelaki buas & kasar tapi aku silap. aku terlalu cepat menilai watak. Watak Leopard sebenar keluar 1/4 buku sebelum habis, dan watak sebenar di sebalik watak Leopard juga hampir dipenghujung baru tahu siapa. Kena fokus, tak boleh gapah baca buku ni.

Penulisan abg RAM amat tersusun. Dengan watak-watak yang mainkan peranan yang baik. Setiap bab hanya menceritakan keadaan di lokasi & situasi je. Tak da meleret tak tentu hala. Kadang tu berkhayal sekejap, so terpaksa baca balik dari sebelum berkhayal sebab nak berimaginasikan keadaan itu. Buku ni, termasuk dalam 100 buku warisan. Kene beli, kene baca.

---

## Atiqah Johar says

This book is so amazing! Full of knowledge about crime, law and psychological terms. Reading this book makes my head turning upside down like usual when we read any books of Ramlee Awang Murshid.

---